

22 OCT 2003

Mahathir-Anugerah/I

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH TERTINGGI KEJURUTERAAN ASEAN

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima Anugerah Fellow Kehormat Persekutuan Pertubuhan-pertubuhan Kejuruteraan Asean (AFEO) kerana sumbangan cemerlang beliau terhadap profesion kejuruteraan dan negara.

Anugerah itu disampaikan kepada beliau pada majlis perasmian persidangan dua hari AFEO yang bermula di sini hari ini.

"Kini saya jadi jurutera yang bertauliah," kata Perdana Menteri secara bergurau dalam ucapannya pada majlis itu.

Dr Mahathir menerima anugerah berkenaan daripada pengerusi AFEO, Pandri Prabono.

Anugerah itu lazimnya diberi kepada ketua negara, perdana menteri, timbalan perdana menteri dan tokoh terkenal dunia yang memberi sumbangan cemerlang kepada profesion kejuruteraan, institusi kejuruteraan dan negara.

Semasa membacakan latar belakang Perdana Menteri pada majlis itu, ketua setiausaha AFEO, Airlangga Hartarto berkata bahawa di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah muncul sebagai antara negara paling stabil daripada segi ekonomi dan paling maju daripada segi teknologi.

Beliau berkata Malaysia juga telah muncul sebagai pusat perniagaan dan teknologi utama dunia.

"Sumbangan Dr Mahathir terhadap pembangunan Malaysia adalah sesuatu yang luar biasa," katanya.

Airlangga berkata bahawa hasil kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah bertukar daripada sebuah negara yang banyak bergantung pada sumber semula jadi seperti timah, balak dan getah kepada sebuah negara pengeluar barangan serta perkhidmatan yang berasaskan teknologi tinggi.

Beliau juga memuji kejayaan Dr Mahathir menyelamatkan Malaysia daripada dua krisis besar ekonomi yang melanda dunia pada pertengahan 80-an dan 1997-1998.

-- BERNAMA

OPP JM SP MAI